

15/10/2003

Hanya kesepakatan kuasa OIC angkat martabat Islam

BANYAK sekali yang diharapkan daripada Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang berlangsung buat pertama kalinya di ibu negara minggu ini. Tumpuan diberi kerana kebanyakan 57 negara ahli menaruh harapan kepada Malaysia, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya dapat berusaha dengan berkesan untuk menggemblengkan ummah bagi menghadapi pelbagai tekanan dan penindasan terhadap orang Islam dewasa ini.

Perwatakannya sebagai pemimpin Islam yang membawa banyak perubahan dan kemajuan berkesan di Malaysia serta pandangan dan hujahnya mengenai Islam serta kelemahan ummah dalam segala bidang, memberikan tauliah secukupnya kepada beliau untuk mengarahkan OIC ke jalan baru.

OIC buat masa ini lebih terkenal sebagai pertubuhan yang banyak ber retorik tanpa melaksanakan sesuatu yang berkesan demi kepentingan ummah. Selain itu, tidak ada perancangan dan tindakan diusahakan bagi menolong anggotanya yang lemah dan mudah dipermainkan serta ditekan pada arena antarabangsa.

Berikutan peristiwa 11 September 2001 yang membawa pelbagai tindakan buruk terhadap umat dan negara Islam, OIC juga gagal mengambil inisiatif membolehkan anggotanya membela diri daripada penindasan kuasa besar. Jauh sekali ia dapat melaksanakan program untuk meningkatkan imej Islam. tindak tanduk dan pendirian negara Islam sendiri dalam pelbagai isu. Orang Islam bukan saja tidak bersatu, jauh sekali sehaluan, malah bermusuhan sesama sendiri.

Hasilnya, umat Islam di serata pelosok dunia tidak terbela dan mudah ditindas. Amerika Syarikat sebagai kuasa besar tunggal di dunia dengan sewenang-wenangnya bertindak terhadap negara dan umat Islam yang dilabelkan sebagai ekstremis dan penganas.

Propaganda yang disogokkan secara terus oleh pelbagai rangkaian TV Amerika serta akhbar perdana dan majalah mingguannya yang memperlecehkan dunia dan umat Islam, secara tidak langsung memberi gambaran Islam merestui keganasan.

Tidak pernah terlintas pada mereka bahawa Islam sebenarnya agama yang menolak keganasan. Bahkan ia amat pentingkan keamanan dan perpaduan. Dengan sogokan demikian, tidak hairanlah ramai rakyat Amerika menyamakan orang Islam sebagai penganas.

Afghanistan dan Iraq kini ditakluki Amerika, manakala Syria sudah mengalami serangan udara rejim Yahudi Israel iaitu sekutu kuat Amerika. Pencerobohan itu bukan saja tidak terbela, malah negara malang itu bakal menghadapi sekatan ekonomi Amerika.

Apakah Syria akan mengalami nasib buruk seperti di Afghanistan dan Iraq? Apakah umat Islam hanya mampu berpeluk tubuh dan membenarkannya berlaku?

Iran dan Sudan sudah lama dianggap Amerika sebagai negara yang memberi perlindungan kepada penganas dan perlu menerima padah daripada kuasa besar itu. Ada saja ancaman yang dilemparkan ke atas kedua-dua negara itu dalam usahanya menghalalkan sebarang tindakan yang bakal diambil.

Kini Iran pula dituduh merancang mendapatkan bom nuklear. Tetapi Israel yang sudah berjaya mengadakan program bom nuklearnya, malah mempunyai keupayaan melancarkan bom nuklear melalui kapal selamnya, tidak pula disoal.

Kedaaan di bumi Palestin semakin meruncingkan hingga ramai rakyatnya setiap hari ditindas pihak berkuasa Yahudi. Dalam usahanya untuk menentukan negara Palestin yang viable tidak akan wujud, kerajaan Israel

sewenang-wenangnya mengenakan pelbagai sekatan dan kepungan (dengan mendirikan tembok) untuk mengepung bandar dan perkampungan Palestin, kononnya bagi menjamin keselamatan pendatang Israel yang ditempatkan di tanah rakyat Palestin yang dirampas.

Hidup mati orang Palestin tidak dihiraukan dan tidak terbela seolah-olah nyawa mereka tidak ada harga langsung. Lebih memalukan Masjid al-Aqsa tidak lagi bebas digunakan oleh orang Islam.

Israel begitu berani bermaharajalela kerana setiap tindakannya mendapat restu Presiden George W Bush dan pentadbirannya. Pelobi Yahudi amat berpengaruh di Amerika hinggan majoriti anggota Dewan Senat dan Dewan Perwakilan (Kongres) menyokong Israel.

Demikian juga pelbagai saluran TV, terutama Fox TV sudah menjadi saluran propaganda Yahudi, manakala saluran lain seperti CNBC dan CNN juga amat bersimpati dengan Yahudi. Dengan itu, setiap hari rakyat Amerika disogok dengan dakwah kononnya rakyat Yahudi yang menghadapi ancaman keganasan pengebom berani mati Palestin.

Liputan mereka juga amat berat sebelah. Tidak pula dinyatakan rakyat Palestinlah yang sebenarnya menjadi mangsa kerana diusir dari rumah dan tanah mereka hanya untuk menempatkan pendatang Yahudi yang sebenarnya menceroboh bumi Palestin.

Keganasan yang dilaksanakan rejim Israel terhadap rakyat biasa Palestin termasuk kanak-kanak, wanita dan orang tua bukan saja tidak terbela, malah tidak pun mendapat tempat dalam siaran TV Amerika itu.

Pihak berkuasa Palestin tidak bermaya untuk bertindak balas. Bahkan Presiden Yasser Arafat sendiri terkepung di dalam markasnya tanpa boleh ke mana-mana dengan bebas hinggan tidak boleh menghadiri Sidang Kemuncak OIC kali ini. Apakah itu kebebasan?

Tindakan yang boleh dilakukan mereka hanyalah usaha sia-sia pengebom berani mati yang sebenarnya tidak sedikit pun memberi kesan positif terhadap perjuangan Palestin, melainkan mengundang serangan lebih teruk askar Yahudi ke atas perkampungan dan kem penempatan Palestin. Kini Palestin sepatutnya mengusahakan strategi baru untuk memperjuangkan haknya.

Demikian juga rakyat minoriti Islam di India, Kashmir, Chechnya, Myanmar, Filipina dan Sri Lanka misalnya terus terancam, manakala rakyat Islam di beberapa negara lain seperti Singapura, Perancis dan Sepanyol yang mahu melaksanakan kehendak agama pun tidak dibenarkan.

Keadaan ini memberi gambaran seolah-olah rakyat Islam adalah 'fair game', mudah dipermainkan dan kehendak mereka diabaikan tanpa siapa mengambil peduli.

Inilah suasananya di dunia Islam kini yang menjadi latar belakang kepada persidangan kali ini.

Apakah keadaan yang sebegini jelek dihadapi umat Islam akan terbela? OIC sendiri sebelum ini tidak menampakkan ia dapat mengambil peranan untuk meningkatkan martabat Islam supaya disegani dan tidak diperkotak-katikan seperti sekarang.

Ramai pihak yang menaruh harapan supaya Sidang Kemuncak OIC kali ini dapat mengusahakan sesuatu untuk meningkatkan kembali martabat umat Islam.

Dapatkah Malaysia, khususnya Dr Mahathir mengambil daya usaha ke arah itu? Dapatkah Malaysia memberikan suntikan baru untuk membawa OIC ke jalan yang patut dituju untuk pertubuhan Islam yang relevan dan berwibawa dalam membela umat Islam di mana-mana?

Sebenarnya, sama ada OIC boleh menjadi pertubuhan berkesan atau tidak terpulang kepada anggotanya. Malaysia sebagai pengerusi hanya boleh bertindak memberikan kepimpinan. Kalau kebanyakan mereka serius untuk bersatu padu dan sedia berkorban tenaga dan kemampuan, termasuk kewangan dan tidak hanya pandai mengeluarkan kata-kata ketika persidangan, banyak

yang boleh dicapai.

Jalan yang dihadapi penuh liku dan ranjau. Kesepakatan masih jauh. Ada anggota yang terang-terang di bawah telunjuk kuasa besar dunia dan tidak berani bertindak bebas.

Masih banyak negara Islam khususnya negara pengeluar minyak lebih pentingkan pasaran terbesar mereka. Hasil yang diterima masih disimpan di negara maju. Sedikit sekali dilaburkan di negara Islam.

Jika keadaan begini berterusan tanpa mereka bersedia berkorban demi kebaikan agama dan penganutnya, umat Islam akan terus dirundung malang. Tentunya Allah mengurniakan negara dengan kekayaan semula jadi yang berlimpah-ruah untuk sesuatu tujuan, tetapi jika kekayaan itu tidak dapat dimanfaatkan dengan baik dan keadaan umat Islam sejagat tidak dihiraukan, selagi itulah mereka berterusan ditindas.

Apa yang diperlukan ialah perancangan dan tindakan yang berkesan serta praktikal supaya pertubuhan itu boleh bergerak selangkah demi selangkah untuk membawa tamadun Islam ke puncak kegemilangan Abbasiyah dan Umayyah.

Apakah tidak terlalu banyak yang diharapkan dari Malaysia? Apakah mampu Malaysia memikul hasrat dan harapan besar ini? Tentunya ia bukanlah matlamat yang mustahil jika seluruh negara Islam mempunyai azam yang sama.

Seluruh umat Islam memandangkan Sidang Kemuncak OIC kali ini dengan penuh harapan ia boleh memulakan langkah baru untuk menuju kejayaan. Harapannya ialah semua ketua negara dan perwakilan mempunyai iltizam yang sama dan bersedia untuk bertindak supaya pertubuhan itu tidak lagi diremehkan dengan label "Oh I See."